

Penangkapan Anasir-anasir Communist

Sebelum berdirinya sendiri, Barisan

Socialist di Singapura dan tatkala orang-orang yang menubuhkan barisan itu masih bersama-sama di dalam parti kerajaan yang memerintah (PETIR), kita telah pernah menulis mengenai perasaan-perasaan syak kita bahawa kerajaan masa itu terikut-ikut dengan kaedah dan cara-cara *communist* sehingga boleh dikata kerana pesertaan mereka, ekonomi Singapura yang penduduknya aman dan makmur hampir-hampir binasa dan rosak.

Mujurnya kesedaran telah timbul dan dengan sendirinya golongan-golongan kiri yang di dalam PETIR itu pun memisahkan dirinya. Dengan ini dapatlah umat melihat di mana letaknya sebenarnya kepincangan yang berbahaya kepada keselamatan umum di Singapura.

Apabila golongan kiri ini sendiri dengan menubuhkan Barisan *Socialist* maka zahir dengan terangnya tindak tanduknya. Keadaan ini semakin sehari semakin jelas terutamanya apabila kerajaan Singapura mengadakan referendum untuk mengambil ketentuan suara rakyat “Adakah mereka sebenar-benarnya suka di dalam percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu.” Keputusan telah didapati bahawa suara terbanyak rakyat menghendaki percantuman.

Sekalipun demikian mereka berusaha menghalang keputusan itu. Ini terserah apabila sahaja terjadi peristiwa Brunei. Mereka bertungkus lumus membantu usaha-usaha pemberontakan itu secara moral dan barangkali juga harus ada bantuan material.

Perbuatan-perbuatan ini tentulah mendedahkan lagi kepada kerajaan akan apa sebenarnya yang ada di belakang peristiwa itu. Dengan bukti-buktinya yang nyata dan jelas kerajaan bertindak menangkap golongan kiri yang membawa anasir-anasir

penyokong *communist*. Langkah kerajaan patut dipuji dan kita yakin disokong oleh rakyat terutamanya orang Melayu yang terus nerung³ anti *communist*.

Kita berpendapat langkah ini sebenarnya adalah sepatutnya lama dahulu dijalankan. Kita sentiasa menganjurkan untuk keselamatan negeri Singapura, menghadapi anasir ini kerajaan mesti tegas dan cepat bertindak supaya bahayanya tidak merebak. Janganlah segala langkah dan tindak tanduk dijalankan sesudah ekonomi rakyat menderita.

Kita telah jelak melihat perbuatan-perbuatan mereka yang menghilangkan sama sekali hubungan muhibbah di antara majikan dan buruh dengan mengadakan tuntutan-tuntutan yang bukan-bukan. Kita telah jelak melihat cara-cara ugutan yang dilakukan mereka sehingga seseorang tidak berani tegas bertindak dengan bebasnya mengikut kebebasan diri seseorang sehingga seolah-olah golongan-golongan itulah sahaja yang berkuasa – dan kerajaan seolah-olah dipandang rakyat terpaksa melembutkan giginya daripada lidahnya.

Kita berharap dan menuntut, kalau untuk keselamatan rakyat umumnya maka hendaklah kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang kerasa dan tepat. Hancurkanlah anasir-anasir buruk yang merosakkan kehidupan rakyat dan ekonomi di negeri ini.

Kerajaan mesti memandang bahawa negeri ini negeri industri dan untuk ini berharap kepada modal. Sebab itu *maṣlaḥah* kedua-duanya wajib dikawal – jangan berat sebelah. Pemodal-pemodal kecil juga mesti mendapat kawalan jangan kelak dijadikan mangsa dengan tuntutan-tuntutan yang tidak terpikul oleh mereka sehingga usaha-usahanya yang boleh membesar perlahan-lahan bunuh jadi gulung tikar.

Walau bagaimana pun kita berharap kerajaan bertindak lagi terhadap kepada anasir-anasir yang merosak kepada kemajuan dan kemakmuran negeri ini, adanya.

³ Perkataan sebenar adalah terus terang.